

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2024

BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.2/2024 NEGERI PERAK- PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

HULU PERAK, GERIK, 21– 23 OKTOBER 2024

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai KSAS. Kawasan Sensitif Alam Sekitar ini merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

CFS di Semenanjung Malaysia merentasi lapan (8) buah negeri dan melibatkan lima puluh lapan (58) daerah. Dengan mengambil kira kepentingan kawasan CFS yang mempunyai sumber asli bernilai tinggi dan menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna serta menjadi punca sumber air mentah dan oksigen, maka Rangkaian Ekologi CFS perlu diwujudkan agar dapat menghubungkan kompleks hutan yang terpisah dan hidupan liar dapat bergerak tanpa sebarang gangguan dan ancaman. Bagi memastikan Rangkaian kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dan Biodiversiti Negara terpelihara dan berdaya laksana, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-40 pada 20 Julai 2022 telah meluluskan secara dasar Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 bagi menggantikan PIRECFS 2010. PIRECFS 2022 ini mengandungi 5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040. Pelan induk ini melibatkan 39 rangkaian ekologi CFS di mana 20 daripadanya merupakan rangkaian utama atau *primer linkage* manakala selebihnya iaitu sebanyak sembilan belas (19) rangkaian merupakan rangkaian sekunder atau *secondary linkage*.

Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54,617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai PIRECFS 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. Bagi memastikan visi pelan induk ini tercapai, maka Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Perbadanan Taman Negeri Perak telah menganjurkan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak - Pemantauan dan Pelaksanaan pada 21 hingga 23 Oktober 2024 di Hulu Perak, Gerik. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan penyelarasan mengenai strategi, tindakan dan inisiatif PIRECFS 2022 serta untuk mengumpulkan maklumat kemajuan pelaksanaan 228 inisiatif kepada setiap agensi pelaksana dan agensi sokongan di Negeri Perak. Penganjuran bengkel ini adalah bertepatan dengan peranan Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaku urusetia Jawatankuasa Kerja Negeri Pelaksanaan CFS di Negeri Perak serta membantu mengenal pasti kekangan atau permasalahan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di lapan (8) Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) Negeri Perak. Hasil daripada rumusan bengkel ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Pelaksanaan *Central Forest Spine* (JKTP-CFS) Negeri Perak. Antara pengisian program di dalam bengkel ini adalah ceramah/taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut objektif PIRECFS 2022 dan lawatan kerja ke Kampung Orang Asli Sungai Tiang, Belum dan Taman Negeri Royal Belum. Penganjuran bengkel ini adalah selari dengan Tindakan 4.3b di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan serta memberi pendedahan kepada agensi pelaksana dan agensi sokongan dalam mengenalpasti inisiatif yang akan melibatkan kos dan peruntukan kewangan. Selain itu, penganjuran bengkel ini juga selari dengan Tindakan 3.2a di bawah PIRECFS 2022 iaitu Untuk Memperkasa Komuniti Hutan dalam membangunkan Ekonomi Tempatan dan Tindakan 3.2b di bawah PIRECFS 2022 iaitu Untuk Memelihara Nilai Intrinsik Tempatan di samping mengeratkan ukwah dan kalobrasasi antara agensi/jabatan dan NGO dalam melaksana, memantau dan mengawal pembangunan dalam kawasan CFS Negeri Perak selari dengan Tindakan 4.1b di bawah PIRECFS 2022 iaitu Untuk

Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS.



Gambar 1: Perasmian Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak - Pemantauan dan Pelaksanaan



Gambar 2: Taklimat Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak - Pemantauan dan Pelaksanaan



Gambar 3: Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak - Pemantauan dan Pelaksanaan



Gambar 4: Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak - Pemantauan dan Pelaksanaan



Gambar 5: Peserta Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 Bil.2/2024 Negeri Perak - Pemantauan dan Pelaksanaan



Gambar 6: Lawatan ke Kampung Orang Asli Sungai Tiang, Belum



Gambar 7: Lawatan ke Padang Ragut Seladang di Taman Negeri Royal Belum



Gambar 8: Lawatan ke Air Terjun Sungai Kooi di Taman Negeri Royal Belum



Gambar 9: Lawatan ke Taman Negeri Royal Belum